- 1.3.2 TM melarang sama sekali sebarang aktiviti atau tindakan untuk mendapatkan manfaat atau kelebihan tidak wajar daripada Kumpulan TM dalam setiap urusan perniagaan. TM tidak bertolak-ansur dengan apa-apa bentuk Konflik Kepentingan dalam setiap urusan dengan Rakan Niaga kita.
- 1.3.3 Pekerja boleh dikenakan tindakan tatatertib termasuk tetapi tidak terhad kepada penahanan bonus, kenaikan gaji dan penanugerahan merit, penyekatan kenaikan pangkat dan penamatan atau pemberhentian kerja kerana pelanggaran Kod ini.
- 1.3.4 Pekerja bertanggungjawab untuk memastikan Rakan Niaga kita memahami dan mematuhi aspek Kod yang berkenaan. Pelanggaran Kod boleh menyebabkan penyenaian hitam atau penamatan kontrak mereka dengan Kumpulan TM.
- 1.3.5 Sekiranya terdapat polisi dan prosedur TM yang lain yang bercanggah dengan Kod ini, maka polisi tersebut yang diliputi dalam Kod ini hendaklah diterima pakai.
- 1.3.6 Kita berhak mengambil tindakan sewajarnya terhadap Lembaga Pengarah, Pengurusan, Pekerja, Rakan Niaga TM dan individu yang bertindak untuk atau bagi pihak TM yang disiasat atas pertuduhan jenayah oleh mana-mana agensi penguatkuasa (“Pihak yang disiasat”). Pihak yang disiasat tidak boleh terdiri daripada mana-mana orang yang membantu dalam siasatan tersebut.

2. TAKRIFAN

2.1 Dalam Kod ini melainkan konteks menghendaki sebaliknya, maka terma yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang diberikan secara khusus kepadanya:

Undang-undang Terpakai: hendaklah bermaksud berkenaan dengan seseorang, mana-mana undang-undang, pengawalaturan, peraturan, langkah-langkah, garis panduan, perjanjian, penghakiman, penentuan, perintah atau notis mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan atau bursa saham yang terpakai kepada orang tersebut.

Aset: hendaklah bermaksud sumber ketara dan tak ketara yang dikawal oleh TM sebagai hasil daripada urus niaga atau peristiwa masa lalu dan aset ini dijangka memberikan manfaat ekonomi masa hadapan kepada TM.

Syarikat Bersekutu: hendaklah bermaksud perbadanan, perkongsian atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan tetapi Kumpulan tidak mengawal atau mengawal bersama, secara amnya bersama pemegang saham antara dua puluh peratus (20%) dan lima puluh peratus (50%) hak mengundi. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk menyertai proses membuat keputusan polisi kewangan dan operasi Syarikat Bersekutu tetapi tidak mengawal polisi tersebut.

Lembaga Pengarah: hendaklah bermaksud semua Pengarah TM sama ada pengarah eksekutif dan pengarah bukan eksekutif bebas atau bukan bebas dan, termasuk pengarah gantian. Istilah "Lembaga Pengarah", di mana sesuai hendaklah dirujuk juga sebagai lembaga pengarah Kumpulan Syarikat. Istilah "Lembaga Pengarah" atau "Pengarah" hendaklah mempunyai maksud yang sama dan boleh digunakan secara bersilih ganti.

Ihsan Perniagaan: hendaklah bermaksud hadiah atau kemudahan daripada seseorang atau sebuah syarikat, tidak kira sama ada hubungan perniagaan wujud antara TM dan orang atau syarikat tersebut, di mana nilai pasaran saksama tidak dibayar oleh penerima, yang termasuk manfaat ketara dan tak ketara, seperti hadiah bukan berbentuk wang, makanan, minuman, keraian, rekreasi, hadiah, pengangkutan, diskaun, tiket, pas, barangan promosi atau penggunaan masa, bahan atau kelengkapan pemberi.

Rakan Niaga: bagi tujuan Kod ini, rakan niaga hendaklah bermaksud individu atau entiti yang mempunyai sesuatu tahap penglibatan dengan perniagaan individu atau entiti perniagaan lain (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM 2009")). Rakan Niaga boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal/vendor, penyedia perkhidmatan, Pelanggan, Pesaing, ejen (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta SPRM 2009) dan/atau penjual, kontraktor (termasuk subkontraktor) rakan usaha sama atau lain yang bertindak untuk atau bagi pihak Kumpulan TM.

Polisi dan Tadbir Urus Perniagaan : Satu set dokumen yang menggariskan polisi dan tadbir urus TM di seluruh bidang fungsian utama dan menyatakan proses dan prosedur yang berkaitan yang menyokong polisi dan tadbir urus yang berkenaan.

Kod: hendaklah bermaksud Kod Etika Perniagaan dan Tatakelakuan, set peraturan dan polisi TM, yang akan mentadbir tatalaku dan hubungan perniagaan Lembaga Pengarah, Pengurusan, Pekerja dan Rakan Niaga TM.

Pesaing: hendaklah bermaksud mana-mana orang atau entiti yang menyediakan perkhidmatan yang sama atau serupa atau membekal produk yang sama atau serupa dengan apa yang disediakan atau dibekalkan oleh TM, kepada mana-mana orang atau bilangan persekitaran perniagaan.

Maklumat sulit hendaklah bermaksud yang merangkumi

- a. Sebarang maklumat dalam apa-apa bentuk jua yang tidak dikenali secara am, dan menjadi milik TM yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi, maklumat berkaitan proses, operasi, perdagangan, produk, penyelidikan, pembangunan, pembuatan, pembelian, perniagaan, prospek perniagaan, transaksi, hal ehwal, aktiviti, pengetahuan, harta intelek, perakaunan, kewangan, perancangan, operasi, Pelanggan, kejuruteraan, pemasaran, pembarangan dan penjualan, maklumat perdagangan bermilik, jumlah penggajian, data peribadi Lembaga Pengarah, Pekerja, senarai pelanggan, rekod, perjanjian dan maklumat, maklumat teknikal dan berkaitan lain, dan mana-mana buku, akaun dan rekod yang disimpan oleh TM bagi tujuan perniagaannya;
- b. Semua maklumat yang didedahkan kepada Pengarah atau Pekerja atau di mana Pengarah atau Pekerja boleh mengaksesnya semasa tempoh perkhidmatannya di mana beliau mempunyai alasan atau sepatutnya mempunyai alasan untuk meyakini maklumat tersebut adalah Maklumat Sulit, dan ini hendaklah dianggap sebagai Maklumat Sulit dan hendaklah termasuk (tetapi tidak terhad kepada) senarai harga, kaedah perniagaan, latar belakang pelanggan, rekod, maklumat dan reka cipta; dan
- c. Apa-apa maklumat seperti yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) di atas yang berkaitan dengan TM termasuk Pelanggan dan Rakan Niaga mereka.

Konflik Kepentingan: hendaklah bermaksud apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan kebendaan yang seseorang Pengarah atau seseorang Pekerja mungkin boleh dan boleh dilihat berpotensi untuk mengganggu dengan keobjektifan mereka dalam menjalankan kewajipan mereka atau melaksanakan pertimbangan mereka bagi pihak TM.

Pelanggan: hendaklah bermaksud mana-mana orang atau entiti di mana TM menyediakan produknya atau menyediakan perkhidmatannya, yang boleh termasuk pelanggan, Rakan Niaga atau Pesaing berpotensi.

Hubungan Rapat: hendaklah bermaksud hubungan antara Pengarah atau Pekerja dengan orang tertentu yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kategori berikut:

- i) Pasangan;
- ii) Ibu bapa termasuk Ibu Bapa Mertua;
- iii) Anak termasuk anak angkat dan anak tiri;
- iv) Adik-beradik; dan
- v) Pasangan orang yang dirujuk dalam perenggan kecil (iii) dan (iv) di atas,
- vi) Saudara-mara orang yang dirujuk di atas seperti yang ditakrifkan sebagai 'saudara-mara' di bawah Akta SPRM 2009.

Pengarah: hendaklah bermaksud mana-mana pengarah TM yang memegang jawatan pada masa ini, yang termasuk penggantinya yang dilantik sewajarnya,

Bahagian: Merujuk kepada bidang fungsian utama di mana anda bekerja [sebagai contoh IT&NT Kumpulan, Teknologi Rangkaian Kumpulan, Perolehan Kumpulan, Pengurusan Modal Insan Kumpulan dan sebagainya].

Pekerja: Bagi tujuan Kod ini, pekerja hendaklah bermaksud semua pekerja termasuk pengurusan tertinggi dan kanan, pengurus, penolong pengurus dan bukan eksekutif di bawah pelantikan TM yang terdiri daripada pekerja tetap, kontrak, pinjaman, pelatih dan pelatih praktikal. Istilah “Pekerja” atau “Pekerja-Pekerja” hendaklah mempunyai maksud yang sama dan boleh digunakan secara bersilih ganti.

Etika: Merujuk kepada piawaian tatalaku, yang menunjukkan cara berkelakuan, berdasarkan kewajipan dan nilai-nilai moral yang timbul daripada kebolehan untuk membezakan yang benar dengan yang salah serta komitmen untuk melakukan perkara yang betul.

Bayaran pemudahan: Secara amnya dikenali sebagai pembayaran “memudah cara”, “menpercepatkan” atau “melancarkan” adalah pembayaran yang dibuat kepada seseorang individu dalam kawalan sesuatu proses atau keputusan dengan niat mencepatkan proses dan prestasi pentadbiran. Bayaran pemudahan termasuk dalam pentafsiran Suapan di bawah Akta SPRM 2009 dan oleh itu dilarang di Malaysia.

Keluarga: Bagi tujuan Kod ini, istilah “keluarga” hendaklah ditakrif sebagai orang yang mempunyai Hubungan Rapat seperti yang ditakrifkan sebelum ini dalam dokumen ini.

Kerajaan atau Pihak Berkuasa Kerajaan: bermaksud mana-mana kerajaan atau mana-mana jabatan, biro, suruhanjaya, mahkamah, pegawai, bahagian kecil politik, tribunal atau keperantaraan lain mana-mana kerajaan, sama ada kebangsaan, wilayah atau tempatan, dalam negeri atau luar negeri.

Pegawai Kerajaan: hendaklah termasuk, mana-mana orang yang menjadi ahli, pegawai, pekerja atau penjawat awam mana-mana agensi kerajaan sama ada pihak berkuasa persekutuan atau negeri.

Suapan: hendaklah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009.

Selain perkataan “sogokan”, atau “rasuah”, Akta SPRM 2009 mentakrifkan perkataan “Suapan” yang termasuk sogokan wang dan bukan wang, yang termasuk wang, sumbangan, hadiah, apa jua barang berharga, apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa apa wang atau nilai wang atau benda berharga, apa-apa khidmat atau kemudahan lain dalam apa jua bentuk, atau apa-apa tawaran, aku janji atau janji apa-apa Suapan tersebut. Di bawah Akta SPRM 2009, menawar dan menerima hadiah, perkhidmatan dan layanan baik akan menjadi satu kesalahan rasuah jika terdapat niat yang memerlukan penawaran/penerimaan seperti tersebut menjadi sogokan. Akta SPRM 2009 tidak mengandungi apa-apa peruntukan untuk nilai ambang minimum (*de minimis* threshold). Akta SPRM 2009 menganggap berlaku niat merasuah dalam pemberian atau penerimaan Suapan kecuali dibuktikan sebaliknya.

Terdapat satu kesalahan tambahan di bawah Akta SPRM 2009 bagi mana-mana orang untuk menawarkan kepada seorang Pegawai dalam mana-mana Badan Awam, atau menjadi Pegawai dalam mana-mana Badan Awam, untuk meminta atau menerima apa-apa Suapan sebagai dorongan atau ganjaran untuk sesuatu keadaan. Satu kesalahan akan dilakukan walaupun pegawai tersebut tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk melakukannya, menunjuk atau menahan, atau menerima Suapan tersebut tanpa berniat untuk melakukannya, menunjuk atau menahan, atau sebenarnya tidak melakukan, menunjuk atau menahan, atau bahawa dorongan atau ganjaran tersebut tiada hubungan dengan hal ehwal badan awam tersebut. Di sini, sebuah badan awam termasuk Kerajaan persekutuan, Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan jabatannya, perkhidmatan dan aku janji. Termasuk juga syarikat dan anak syarikat di mana sebuah badan awam mempunyai kuasa atau kepentingan mengawal, dan pelbagai pertubuhan dan kesatuan sekerja.

Maklumat: hendaklah bermaksud semua komunikasi dan semua maklumat sama ada bertulis, visual atau lisan dan semua bahan lain yang:

- a. dibekalkan kepada Pekerja oleh TM semasa pekerjaan Pekerja dengan TM;
- b. berkait dengan apa-apa reka cipta, penambahbaikan, laporan, saranan atau nasihat yang diberikan kepada TM oleh Pekerja berhubung dengan pekerjaannya dengan TM; dan
- c. berkenaan perniagaan, persatuan, aturan urus niaga atau kewangan TM dengan mana-mana orang atau badan, termasuk perjanjian kerjasama teknikal atau komersial lain.

Hak Harta Intelekt: merujuk kepada hak perundangan yang diberikan dengan matlamat untuk melindungi penciptaan intelek tersebut. Hak ini termasuk tetapi tidak terhad kepada paten, reka bentuk industri, tanda dagangan, hak cipta, tanda perkhidmatan, maklumat sulit, reka bentuk, pengetahuan, teknik, proses, kelengkapan, program perisian, dokumen sumber perisian, formula, perkakasan, perisian, perisian tegar, lakaran, lukisan, model, reka cipta (sama ada boleh dipatenkan atau tidak), skema, sampel, kandungan audio dan/atau visual, rancangan perniagaan, barangan atau maklumat kejuruteraan, maklumat pemasaran, data, bahan, analisis, kompilasi, ramalan, kajian, pengalaman dan/atau salinan dan pengeluaran semulanya.

Reka cipta: hendaklah bermaksud semua reka cipta, penemuan dan penambahbaikan, proses dan pengetahuan, hasil hak cipta (termasuk tanpa pelepasan program komputer), reka bentuk baharu yang ditemui atau dicipta; yang boleh dipaten atau tidak boleh dipatenkan oleh Pekerja dalam pelaksanaan atau untuk pekerjaan atau ditemui atau dicipta oleh Pekerja sebagai hasil sama ada secara langsung atau tidak langsung berkenaan apa-apa yang dilakukan oleh Pekerja tersebut menurut kewajibannya dengan TM dan/atau (mengikuti mana-mana yang berkenaan) berdasarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas apa-apa bahan Maklumat tersebut.

Bahagian Perundangan: hendaklah bermaksud Strategi Undang-Undang dan Harta Intelekt.

Pengurusan: Pengurusan hendaklah merangkumi pengurusan tertinggi, dan pengurusan kanan TM.

Pegawai Badan Awam: bermaksud mana-mana orang yang menjadi Ahli, Pegawai, Pekerja atau Penjawat Awam.

Maklumat Hak Milik: hendaklah bermaksud maklumat yang disimpan oleh seseorang atau entiti berkenaan dengan pengetahuan, rahsia perdagangan atau maklumat lain dalam apa-apa jenis, sama ada bercetak atau format elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak harta intelek, maklumat teknikal, proses perniagaan, ramalan jualan, strategi pemasaran, senarai pelanggan atau maklumat pelanggan berpotensi, rekod atau operasi kewangan yang dianggap bersifat sulit (sama ada dilabel sebagai sulit atau tidak) dan dipunyai dan dimiliki oleh TM.

Data Peribadi: hendaklah bermaksud data peribadi (mempunyai maksud yang diberikan di bawah APDP), termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat peribadi Pelanggan dan/atau Pekerja.

Badan Awam: termasuk Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun lain dan yang mempunyai maksud yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 dan hendaklah termasuk TM.

Gangguan Seksual: hendaklah bermaksud apa-apa kelakuan yang bersifat seksual dalam bentuk lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau gangguan fizikal yang boleh, dengan sebab yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai mewujudkan keadaan yang bersifat seksual kepada pekerjaan pekerja tersebut atau sebagai satu kesalahan atau penghinaan atau ugutan kepada kesejahteraan pekerja tersebut, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan pekerjaan pekerja tersebut.

Anak syarikat: Sebuah anak syarikat adalah sebuah entiti yang dikawal sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh entiti lain (pelabur). Pelabur mengawal sebuah entiti apabila pelabur tersebut:

- a. terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan boleh ubah (risiko dan ganjaran), yang terhasil daripada penglibatannya dengan entiti tersebut; dan
- b. mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut menerusi kuasanya ke atas penerima pelaburan.
- c. manakala pada kebiasaannya, kawalan disahkan menerusi pemegang saham majoriti dalam penerima pelaburan tersebut, ini tidak diperlukan apabila pelabur mempunyai keupayaan dalam (a) dan (b) di atas atau untuk melantik atau mengawal majoriti ahli lembaga pengarah penerima pelaburan, termasuk hak untuk mengarah aktiviti relevan penerima pelaburan tersebut.

TM atau Syarikat: hendaklah bermaksud Telekom Malaysia Berhad dan Kumpulan TM. Istilah “TM” atau “Syarikat” hendaklah mempunyai maksud yang sama dan boleh digunakan secara bersilih ganti.

Nilai Teras TM (KRISTAL): hendaklah bermaksud nilai yang diguna pakai oleh TM untuk digunakan oleh Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja TM dalam kerja dan operasi harian mereka, yang terdiri daripada prinsip yang berikut: Komitmen Menyeluruh kepada Pelanggan, Integriti Tanpa Kompromi dan Hormat dan Prihatin.

Kumpulan TM: hendaklah bermaksud TM dan semua Anak Syarikat dalam syarikat kumpulan TM, yang termasuk semua syarikat di mana TM sama ada secara langsung atau tidak langsung mempunyai kawalan ke atas syarikat tersebut.

Rujukan “Kami” dalam Kod ini bermaksud mana-mana orang yang kepadanya Kod ini terpakai. Di mana rujukan yang lebih spesifik digunakan, seperti Pekerja atau Pengarah, maka maksud yang lebih spesifik dihasratkan.

3. URUSAN KITA DENGAN PEKERJA

Kita menghormati dan melayani setiap Pekerja secara adil dan saksama.

3.1 Menghormati Individu

- 3.1.1 Kita akan melayani satu sama lain dengan rasa hormat dan layanan saksama sepanjang masa, sebagaimana kita ingin diri kita dilayani. Selaras dengan Nilai Teras TM (KRISTAL), kita hendaklah:
- (a) Menggalakkan semangat berpasukan, kerjasama antara Pekerja;
 - (b) Mengamalkan sikap saling menghormati dan bersopan-santun dalam semua urusan dan interaksi kita; dan
 - (c) Menunjukkan persefahaman dan keterbukaan untuk semua keprihatinan, ulasan, idea dan maklum balas yang diterima.
- 3.1.2 Kita menghargai kepelbagaian individu dalam kalangan kita.
- 3.1.3 Kita komited dengan tanggungjawab menyimpan maklumat peribadi Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja sebagai sulit dan persendirian. Akses dan pengetahuan kepada maklumat peribadi Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja akan dihadkan kepada orang dalam TM yang memerlukan maklumat tersebut untuk tujuan yang sah sahaja.

3.2 Gangguan, Ancaman dan Keganasan

- 3.2.1 Kita tidak akan bertolak-ansur dengan apa-apa jenis gangguan, ancaman dan keganasan sama ada secara lisan, fizikal atau visual. Tindakan atau tingkah laku ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ulasan menghina berdasarkan gender, agama, bangsa atau etnik, sifat fizikal, menggunakan medium pemancaran sama ada secara konvensional atau digital tetapi tidak terhad kepada penggunaan emel, pesanan suara atau bentuk saluran komunikasi lain yang boleh atau tidak boleh menyebabkan ketakharmonian, perpecahan, perasaan permusuhan, kebencian, prasangka atau berniat jahat.
- 3.2.2 Kita tidak akan bertolak ansur dengan apa-apa bentuk Gangguan Seksual atau apa-apa bentuk perlakuan yang tidak wajar yang boleh dianggap oleh penerima sebagai bersifat seksual, dan akan memastikan pematuhan Polisi Sumber Manusia mengenai Gangguan Seksual.
- 3.2.3 Kita juga tidak akan bertolak-ansur dengan apa-apa bentuk keganasan, ugutan, gangguan, diskriminasi atau membuli dalam organisasi kita dan sekiranya kita berdepan dengan mana-mana kelakuan yang di atas oleh Pekerja lain, maka kita hendaklah melapor serta merta kepada Pengurusan Modal Insan Kumpulan untuk siasatan lebih lanjut.

3.3 Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran

- 3.3.1 Kita bertanggungjawab dalam mengekalkan tempat kerja yang selamat dengan mematuhi peraturan dan amalan keselamatan, kesihatan dan persekitaran seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan TM.

- 3.3.2 Kita bertanggungjawab untuk melaporkan secara serta-merta kemalangan, kecederaan dan kelengkapan, amalan atau keadaan yang tidak selamat kepada penyelia atau orang lain yang dipertanggungjawabkan. TM komited untuk memastikan tempat kerja bebas daripada bahaya.
- 3.3.3 Tanggungjawab dipikul juga oleh kita untuk mengisytiharkan secara serta-merta apa-apa penyakit berbahaya/berjangkit yang terkesan ke atas kita kepada pihak atasan kita atau orang lain yang dipertanggungjawabkan yang dilantik oleh TM.
- 3.3.4 Dalam situasi pandemik dan/atau apa-apa keadaan yang tidak pernah dialami sebelum ini, kita dikehendaki mematuhi apa-apa peraturan dan undang-undang berkaitan kepada keselamatan dan kesihatan seperti yang dikeluarkan dan/atau digariskan oleh Pengurusan Modal Insan Kumpulan atau mana-mana pihak bertanggungjawab yang ditetapkan oleh Pengurusan.

3.4 Dadah, Alkohol dan Bahan Terlarang

Kita dilarang sama sekali daripada membawa masuk ke dalam premis, menggunakan, memiliki, mengedar, berkongsi, melakukan atau mencuba untuk melakukan jualan, pemindahan, pembuatan atau pengeluaran apa-apa jenis dadah, alkohol atau bahan terlarang semasa melakukan atau terlibat dalam aktiviti TM.

3.5 Senjata

Kita dilarang sama sekali daripada membawa masuk ke dalam premis, menggunakan, memiliki, mengedar, berkongsi, menjual apa-apa senjata atau bahan berbahaya, tiruan atau sebaliknya termasuk tetapi tidak terhad kepada senjata api, bahan letupan, objek tajam atau berbahaya/memudaratkan semasa melakukan atau terlibat dalam aktiviti TM.

3.6 Pecah Amanah Jenayah

- 3.6.1 Kita tidak akan melakukan pecah amanah jenayah dalam pelanggaran mana-mana undang-undang negara di mana perniagaan dijalankan.
- 3.6.2 Dalam konteks undang-undang Malaysia, pecah amanah jenayah ditakrifkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574).

3.7 Salah Laku dan Aktiviti Jenayah

- 3.7.1 Kita hendaklah pada setiap masa menjaga nama baik dan reputasi TM semasa atau selepas waktu bekerja.
- 3.7.2 Kita tidak akan berurusan atau terlibat dalam apa-apa tingkah laku atau aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai mencemarkan imej TM atau subversif atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah yang boleh dihukum di bawah undang-undang negara di mana perniagaan dijalankan.
- 3.7.3 Jika kita didapati terlibat dalam apa-apa tingkah laku atau aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai subversif atau melakukan apa-apa salah laku, jenayah atau sebaliknya yang boleh menjejaskan imej dan reputasi TM, kita akan diambil tindakan menurut polisi dan prosedur tatatertib TM dan/atau dihadapkan ke mahkamah.

3.8 Memberi Keterangan di Mahkamah

Jika anda diperintah atau diperlukan untuk memberi keterangan di mahkamah untuk apa-apa prosiding undang-undang berkaitan perniagaan TM, kita hendaklah merujuk terlebih dahulu kepada pegawai atasan terdekat yang akan berunding dengan Bahagian Perundangan dan sekiranya melibatkan perkara yang berhubung dengan buruh, kita hendaklah merujuk kepada Pengurusan Modal Insan Kumpulan, di mana kegagalan melakukannya boleh menyebabkan tindakan tatatertib dikenakan terhadap orang yang berkenaan.

3.9 Peluang Saksama

Kita yakin dan hendaklah atas usaha terbaik menyediakan peluang pekerjaan saksama untuk semua pemohon tanpa mengambil kira bangsa, keturunan, agama, asal-usul kenegaraan, gender atau kekurangan upaya.

3.10 Tatacara Berpakaian Korporat

- 3.10.1 Kita mestilah memastikan bahawa semasa berurusan dengan Pelanggan, kita tidak berpakaian dalam cara atau memakai pakaian yang boleh menyinggung Pelanggan tersebut atau yang tidak mematuhi piawaian kesihatan dan keselamatan.
- 3.10.2 Sekiranya TM menyediakan pakaian seragam atau pakaian khas, kita mestilah mematuhi keperluan tersebut.

3.11 Meninggalkan TM

Kita mesti memulangkan semua Aset TM termasuk Maklumat Hak Milik dan Hak Harta Intelek TM jika kita meninggalkan TM atas apa-apa sebab termasuk persaraan, dan apa-apa pendedahan atau penggunaan Maklumat Hak Milik TM tidak dibenarkan.

3.12 Hubungan dengan Kelab, Persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan

- 3.12.1 TM mempromosi dan menggalakkan penyertaan aktif oleh Pekerja menerusi pertubuhan bukan kerajaan, amal dan kelab dan juga persatuan dalam TM. Walaupun aktiviti tersebut dibenarkan selepas waktu bekerja, kita mesti memastikan bahawa reputasi dan kepentingan TM tidak terjejas.
- 3.12.2 Bagi mengelakkan apa-apa Konflik Kepentingan secara langsung atau yang berpotensi, maka pertubuhan amal bukan kerajaan, kelab dan persatuan ini tidak dibenarkan mempunyai apa-apa urusan perniagaan dengan TM kecuali dalam keadaan tertentu dan dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pegawai Modal Insan, Pengurusan Modal Insan Kumpulan.

4. URUSAN KITA DENGAN PELANGGAN

TM memberikan komitmen penuh kepada Pelanggannya.

4.1 Komitmen yang Sepenuhnya kepada Pelanggan

4.1.1 Selaras dengan Nilai Teras TM (KRISTAL), kita mestilah

4.1.1.1 Proaktif dalam berurusan dengan keperluan Pelanggan dan cuba melebihi apa yang mereka harapkan;

4.1.1.2 Peka kepada keperluan dan kehendak Pelanggan; dan

4.1.1.3 Responsif dan melayan Pelanggan dengan keyakinan dan secara profesional.

4.2 Kualiti dan Keselamatan Produk dan Perkhidmatan

4.2.1 Pematuhan proses kualiti dan keperluan keselamatan adalah penting untuk mengekalkan reputasi TM. Kita boleh menjejaskan nama baik dan reputasi jika kita menyediakan produk dan perkhidmatan yang gagal memenuhi piawaian kualiti TM.

4.2.2 Komitmen yang dijanjikan kepada Pelanggan mestilah dipenuhi sewajarnya. Jika komitmen tidak boleh dipenuhi, maka maklum balas serta-merta mestilah diberikan kepada Pelanggan dalam tempoh masa yang dipersetujui atau menurut garis panduan syarikat.

4.3 Jualan dan Pemasaran

Kita akan membina hubungan jangka panjang dengan Pelanggan kita dengan mempamerkan kejujuran dan integriti. Semua pemasaran dan pengiklanan kita mestilah tepat dan jujur. Maklumat mengelirukan secara sengaja, pengabaian fakta penting, atau dakwaan palsu tentang tawaran pesaing tidak boleh diterima.

4.4 Maklumat Pelanggan

Kita mestilah mematuhi polisi dan lesen TM serta Undang-undang dan peraturan terpakai berkenaan perlindungan maklumat Pelanggan termasuk perlindungan Data Peribadi.

4.4.2 Kecuali diperlukan oleh undang-undang, atau dalam urusan perniagaan yang biasa seperti melaksanakan pembaikan, pengasingan masalah atau penyenggaraan pencegahan, kita mestilah tidak:

4.4.2.1 Menzahirkan maklumat atau lokasi kelengkapan, litar, sesalur atau kabel Pelanggan kepada mana-mana orang tanpa kebenaran;

4.4.2.2 Mengubah atau mengganggu mana-mana pemancaran suara, video, data, faksimili atau apa-apa komunikasi;

- 4.4.2.3 Mendengar atau mengulang perbualan atau komunikasi Pelanggan atau membenarkan sama ada untuk dipantau atau direkod atau membenarkan akses kepada mana-mana komunikasi yang dipancarkan oleh TM;
 - 4.4.2.4 Memasang atau membenarkan mana-mana orang untuk memasang apa jua peranti yang membolehkan seseorang mendengar, mengawasi atau menentukan bahawa komunikasi telah berlaku.
- 4.4.3 Sebarang permintaan daripada Pihak Berkuasa Kerajaan untuk maklumat TM termasuk untuk maklumat Pelanggan mestilah disalurkan kepada Bahagian / unit yang berikut:
- 4.4.3.1 Kawal Selia Korporat Kumpulan: Bertanggungjawab terhadap apa-apa permintaan untuk maklumat daripada badan Kawal Selia selain permintaan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau Bank Negara Malaysia;
 - 4.4.3.2 Bahagian Setiausaha Syarikat: Bertanggungjawab terhadap apa-apa permintaan untuk maklumat daripada Bursa Malaysia Securities Berhad;
 - 4.4.3.3 Integriti dan Governans Kumpulan: Bertanggungjawab terhadap apa-apa permintaan untuk maklumat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ;
 - 4.4.3.4 Unit Pengurusan Keselamatan: Bertanggungjawab terhadap apa-apa permintaan untuk maklumat daripada Polis DiRaja Malaysia dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri; dan
 - 4.4.3.5 Bahagian Perundangan: Bertanggungjawab terhadap apa-apa permintaan berkenaan perihal undang-undang.

5. URUSAN KITA DENGAN RAKAN NIAGA

Membina hubungan berkualiti dengan Rakan Niaga memberikan TM kelebihan daya saing.

5.1 Menjalankan Perniagaan dengan Pihak Lain

5.1.1 Selaras dengan Nilai Teras TM (KRISTAL) Kod ini hendaklah:

5.1.1.1 Mengamalkan kejujuran dalam semua tindakan dan pernyataan kita;

5.1.1.2 Mempamerkan sikap beramanah dalam menjalankan semua kewajipan dan tanggungjawab kita;

5.1.1.3 Menunjukkan keikhlasan dalam semua hubungan interpersonal kita;

5.1.1.4 Melaksanakan kerja kita dengan penuh dedikasi; dan

5.1.1.5 Melayan semua pihak berkepentingan kita secara saksama.

5.1.2 TM hanya akan menjalankan perniagaan atau bersekutu dengan Rakan Niaga yang berkongsi, menghargai atau mengamalkan Nilai Teras (KRISTAL) dan Etika TM serta prinsip yang ditetapkan dalam Kod ini.

5.2 Ejen dan Perunding

Komisen, kadar dan fi yang dibayar kepada mana-mana peniaga, pengedar, ejen, pencari atau perunding mestilah bergantung pada nilai produk atau kerja sebenar yang dilaksanakan. Apa-apa pembayaran yang dibuat mestilah selaras dengan Undang-undang Terpakai, Polisi dan Tadbir Urus Perniagaan dan Kod ini.

5.3 Amalan Perolehan

5.3.1 Falsafah perolehan TM adalah untuk memperoleh barangan/perkhidmatan/kerja secara prosedur terbuka dan telus yang terbaik dalam bentuk kualiti, harga, kuantiti, penghantaran, pembekal dan teknologi bagi memastikan pulangan terbaik kepada TM. Semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan perlu mengutamakan prinsip kepercayaan, kejujuran, kesaksamaan dan ketelusan dalam urusan perniagaan.

5.3.2 Semua pekerja yang mengendalikan perolehan hendaklah bebas daripada apa-apa Konflik Kepentingan dalam mana-mana aktiviti perolehan di bawah tanggungjawab mereka. Pekerja tersebut hendaklah menarik diri daripada penyertaan jika wujud konflik seperti itu.

5.3.3 Semua dokumen berkaitan kepada proses perolehan hendaklah didokumenkan, difailkan dan disimpan dengan sebaik-baiknya oleh orang yang bertanggungjawab. Perkhidmatan atau produk yang disediakan, asas untuk pembayaran, dan kadar harga atau fi yang terpakai hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Perjanjian pembelian. Jumlah pembayaran mestilah setimpal dengan perkhidmatan atau produk yang disediakan.

5.4 Menyalurkan Kebimbangan

Jika mana-mana Rakan Niaga ingin melaporkan apa-apa pelanggaran berkemungkinan terhadap Kod ini, beliau boleh melakukannya melalui pilihan yang tersedia di bawah Artikel 14 Kod ini (Polisi Pemberian Maklumat dan Pelaporan) dan/atau Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (“WPA”).

6. URUSAN KITA DENGAN PEMEGANG SAHAM

TM komited untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan memberikan nilai.

- 6.1 Hubungan, pengendalian dan kerjasama kita dengan pemegang saham hendaklah dijalankan dalam cara yang profesional.
- 6.2 Dalam usaha kita untuk mencipta nilai bagi pemegang saham, TM komited berkomunikasi secara jelas tentang strategi dan aktiviti secara tetap kepada pemegang saham dan, bagi tujuan tersebut, mengekalkan dialog aktif dengan pelabur melalui program terancang aktiviti dan libat urus hubungan pelabur.
- 6.3 Jika kita ditanya oleh pemegang saham atau pemegang saham berprospektif berkenaan maklumat sulit atau sensitif, kita mestilah merujuk mereka kepada Perhubungan Pelabur atau Bahagian Jenama dan Komunikasi Kumpulan menurut Polisi Komunikasi Kumpulan.
- 6.4 Hanya maklumat yang telah dikeluarkan dan tersedia dalam domain awam boleh didedahkan.

7. MENDEPANI PERSAINGAN

TM yakin akan persaingan secara saksama dan beretika kerana kita semua akan mendapat manfaat daripada pasaran adil, bebas dan terbuka. Kita bersaing hanya berdasarkan merit produk dan perkhidmatan dan tidak membuat cubaan untuk mengekang atau mengehadakan perdagangan.

7.1 Undang-undang Persaingan

7.1.1. Kita hendaklah mematuhi undang-undang persaingan tempatan dan undang-undang persaingan negara-negara di mana perniagaan TM dijalankan tanpa mengira tahap kebersaingan persekitaran tersebut.

7.1.2 Sebarang penjelasan mengenai sama ada suatu tindakan dianggap sebagai satu pelanggaranmana-mana undang-undang persaingan hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perundangan.

7.2 Amalan Persaingan Am

Dalam konteks undang-undang Malaysia, undang-undang terpakai yang berkenaan untuk TM ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Persaingan 2010.

7.2.1 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (“CMA”)

7.2.1.1 Amalan persaingan di bawah CMA melarang apa-apa tingkah laku yang bertujuan mengurangkan persaingan dengan cukup besar yang termasuk, antara lain, pengaturan yang menyediakan penetapan kadar, perkongsian pasaran, pemuluan pembekal atau pesaing dan pengaturan mengikat atau mengait secara mandatori berkenaan peruntukan atau pembekalan produk dan perkhidmatan.

7.2.1.2 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menerbitkan tiga (3) garis panduan berkenaan persaingan, seperti yang berikut:

- i) Garis Panduan Pengurangan Persaingan yang besar dalam Pasaran Komunikasi;
- (ii) Garis Panduan Kedudukan Dominan dalam Pasaran Komunikasi; dan
- (iii) Garis Panduan Penggabungan dan Pengambilalihan.

7.2.1.3 Dalam usaha TM untuk memastikan pematuhan kepada keperluan persaingan di bawah CMA, panduan dalaman TM mengenai aturan persaingan ini juga disediakan. Sila rujuk Bahagian Perundangan untuk maklumat lanjut dan khidmat nasihat.

7.2.2 Akta Persaingan 2010 (“CA”)

- 7.2.2.1 CA terpakai kepada aktiviti komersial yang TIDAK dikawal selia di bawah CMA. Aktiviti komersial TM yang dikawal selia di bawah CMA akan dikeluarkan daripada skop CA.
- 7.2.2.2 Amalan persaingan di bawah CA melarang antara lain, perjanjian anti persaingan mendatar dan menegak dan perlakuan yang boleh dikatakan sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan.
- 7.2.2.3 Suruhanjaya Persaingan Malaysia menerbitkan empat (4) garis panduan berkenaan persaingan di bawah CA, seperti yang berikut:
 - (i) Garis Panduan Pentakrifan Pasaran;
 - (ii) Garis Panduan Perjanjian Anti Persaingan;
 - (iii) Garis Panduan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan; dan
 - (iv) Garis Panduan Hak Harta Intelekt dan Persaingan.
- 7.2.2.4 Dalam usaha TM untuk memastikan pematuhan kepada keperluan persaingan di bawah CA, panduan dalaman TM mengenai aturan persaingan ini disediakan juga. Sila rujuk kepada Bahagian Perundangan untuk maklumat lanjut dan khidmat nasihat.

8. URUSAN KITA DENGAN KOMUNITI

TM adalah warga korporat yang bertanggungjawab dalam semua komuniti di mana sahaja kita menjalankan perniagaan.

8.1 Khidmat Kemasyarakatan

Kita berkhidmat kepada masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi pada harga yang adil dan berdaya saing, dan menyokong secara aktif komuniti yang dengannya kita beroperasi. Sokongan kita terhadap komuniti akan tertumpu kepada bidang pendidikan dan aktiviti pembangunan negara. Penglibatan TM dengan komuniti hendaklah dilakukan secara berintegriti dan memberikan keutamaan yang tinggi kepada tadbir urus korporat yang baik dan telus.

8.2 Aktiviti Kemasyarakatan Secara Peribadi

Kita digalakkan dan bebas untuk menyokong komuniti, badan amal dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dan selainnya mengikut pilihan kita; selagi kita memastikan dengan jelas bahawa pandangan dan tindakan kita bukanlah pandangan dan tindakan TM. Bagaimanapun, kita mestilah memastikan tiada Konflik Kepentingan sama ada secara nyata atau yang mungkin wujud antara pekerjaan kita dengan TM dan tanggungjawab kita dalam urusan komuniti, sama ada dipilih atau dilantik, dibayar atau secara suka rela. Kita mestilah memastikan aktiviti luaran kita tidak menjejaskan prestasi kerja kita.

8.3 Alam Sekitar

- 8.3.1 Kita menghargai alam sekitar dengan mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang terpakai di semua negara yang dengannya kita mengurus niaga. TM komited untuk melindungi alam sekitar dengan meminimumkan impak alam sekitar dalam operasi kita dan menjalankan perniagaan kita dengan cara yang akan memupuk penggunaan lestari sumber semula jadi dunia. Kita mestilah menyokong komitmen ini dengan mematuhi polisi dan program alam sekitar TM.
- 8.3.2 Kita mestilah memaklumkan kepada TM jika apa-apa bahan berbahaya mencemari alam sekitar atau dikendali atau dibuang secara tidak wajar.

8.4 Berkomunikasi dengan Pihak Luar

- 8.4.1 Perhubungan dan komunikasi dengan media amatlah penting kepada TM. Justeru, perlu kita kendalikan hubungan ini dengan cara yang profesional. Jika kita didatangi oleh ahli media, kita hendaklah segera merujuk mereka kepada Komunikasi Strategik Kumpulan. Hanya jurucakap rasmi yang dilantik sewajarnya oleh TM mempunyai kebenaran untuk bercakap bagi pihak TM pada mana-mana keadaan dan atas semua platform, sama ada secara fizikal mahupun maya.
- 8.4.2 Begitu juga, apa-apa permintaan atau pertanyaan daripada media hendaklah diajukan kepada Komunikasi Strategik Kumpulan, bagi memastikan pengendalian secara profesional dan konsisten tentang hal-hal yang berkenaan.

9. URUSAN KITA DENGAN KERAJAAN

Sebagai warga yang bertanggungjawab, sudah menjadi kewajipan kita untuk mematuhi undang-undang.

9.1 Kerajaan sebagai Pelanggan

- 9.1.1 Kita mestilah memberikan tumpuan khas kepada usaha untuk mematuhi semua kewajipan undang-undang dan kontrak dalam berurusan dengan Kerajaan. Kerajaan pusat dan tempatan di seluruh dunia mempunyai undang-undang, peraturan, amalan dan prosedur perolehan spesifik dan berpelbagai yang telah diwujudkan untuk melindungi kepentingan awam.
- 9.1.2 Undang-undang ini secara amnya melarang atau menetapkan had yang ketat berkenaan hadiah, keraian mewah dan perjalanan yang ditawarkan kepada Pegawai Kerajaan. Undang-undang ini lazimnya terpakai kepada pelantikan pegawai semasa atau baru bersara dan ahli Keluarga mereka, dan kepada apa-apa tindakan yang boleh dilihat sebagai mempengaruhi secara tidak wajar dalam membuat keputusan berobjektif.
- 9.1.3 Apabila berhubung dengan Rakan Niaga untuk memenuhi komitmen mereka, kita juga mestilah bertanggungjawab untuk menyampaikan syarat dan peraturan kerajaan yang unik ini kepada mereka. Apabila berurusan dengan Pegawai dan kontrak Kerajaan, kita bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi Undang-undang dan peraturan yang terpakai.

9.2 Merentasi Sempadan Negara

Apabila mengimport atau mengeksport produk, perkhidmatan, maklumat atau teknologi, TM akan mematuhi undang-undang, peraturan, dan larangan tempatan yang terpakai. Sebagai tambahan, apabila kita mengembara ke luar negara atas urusan syarikat, kita tertakluk kepada undang-undang yang mentadbir apa jua yang kita import dan eksport. Lembaga Pengarah, Pengurusan, Pekerja dan Rakan Niaga bertanggungjawab untuk mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan mereka, dan menyemak dengan pegawai pematuhan import/eksport mereka apabila timbul keraguan.

10. URUSAN KITA DENGAN ASET SYARIKAT

Kita melindungi Aset TM dan menggunakannya demi kepentingan TM.

10.1 Melindungi Aset TM

- 10.1.1 Sebagai sebahagian daripada tugas kita, kita akan mempunyai akses dan penggunaan kepada pelbagai jenis Aset TM. Aset ini boleh berbentuk ketara yang merangkumi peralatan hingga kepada perkakasan komputer. Aset boleh melibatkan juga Aset tak ketara seperti hak harta intelek dan perisian komputer, dan berjulat daripada waktu kerja kita hingga kepada identiti jenama TM.
- 10.1.2 Kita bertanggungjawab untuk melindungi semua aset TM yang digunakan dalam menjalankan perniagaan TM. Kita mesti mengambil langkah yang sewajarnya untuk mencegah kecurian, kerugian, penyalahgunaan, pembaziran, atau kerosakan kepada sumber tersebut tanpa mengambil kira keadaan atau nilainya, dan memulangkannya kepada TM apabila tamat perkhidmatan. Kita juga mesti menggunakan sumber ini hanya untuk tujuan perniagaan yang sah. Kita juga mestilah memastikan penggunaan kita terhadap apa-apa sumber TM mendapat kebenaran sewajarnya.
- 10.1.3 Jangan menggunakan sumber TM untuk menjalankan aktiviti perniagaan di luar yang boleh secara material memanfaatkan kita atau terlibat dalam apa-apa aktiviti tidak beretika atau tidak sah. Kita juga mesti menghalang sumber TM daripada dipinjam, dipajak, atau dilupuskan, kecuali yang bertepatan dengan polisi TM.
- 10.1.4 Waktu bekerja kita juga dianggap sebagai sumber TM yang berharga. Hadkan aktiviti peribadi semasa waktu bekerja untuk mengelak gangguan dalam produktiviti kita atau orang lain.
- 10.1.5 Kita juga bertanggungjawab terhadap penggunaan dana TM secara wajar termasuk perbelanjaan.

10.1(a) Aset Pelanggan atau Rakan Niaga

- (i) Dengan cara yang sama kita bertanggungjawab terhadap semua harta fizikal Syarikat yang diamanahkan kepada kita, kita bertanggungjawab juga terhadap harta Pelanggan dan Rakan Niaga dalam jagaan kita.
- (ii) Kita hendaklah menjaganya sepertimana yang kita akan lakukan kepada harta kita, dan tidak merosakannya, mencacatkannya atau mengeluarkannya atau untuk penggunaan peribadi kecuali diberikan kebenaran untuk melakukannya.

10.1(b) Sumber dan Kemudahan IT

- (i) Di kebanyakan negara, terdapat undang-undang yang ketat untuk mengawal penggunaan sumber IT yang terdiri daripada tetapi tidak terhad kepada orang, sistem IT (perkakasan, perisian dan data komputer, yang berada dalam sumber ini), dan kemudahan IT (sistem emel, akses internet/intranet dan sebagainya). Majikan lazimnya dipertanggungjawabkan atas semua maklumat yang dihantar kepada sistem mereka atau daripadanya.

- (ii) Kita dikehendaki memahami dan mematuhi sepenuhnya Panduan Tadbir Urus IT TM (Tadbir Urus IT). Kita hendaklah menggunakan semua sumber dan kemudahan IT yang disediakan oleh TM, hanya untuk tujuan yang dibenarkan dan tidak menggunakan atau menyalahgunakannya untuk keuntungan dan kepentingan peribadi.
- (iii) Kita hendaklah memanfaatkan peluang dengan kemunculan laman media sosial (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada perangkaian sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, Telegram, forum dalam talian, blog, weblog, memblog secara mikro (microblogging) pesanan segera dan YouTube) untuk membina persepsi yang baik terhadap TM.

Kita perlu mengelak apa-apa paparan atau membuat apa-apa ulasan dalam media sosial yang boleh menjejaskan reputasi TM.

- (iv) Kita juga perlu bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan atas maklumat yang dikongsi dalam laman media sosial dan berhati-hati agar tidak mendedahkan apa-apa Maklumat Sulit TM. Kita dilarang daripada mengguna/menyunting tanda dagangan, logo dan imej gambar TM yang berkaitan dengan TM dalam akaun media sosial peribadi kita. Selanjutnya, kita mestilah mematuhi Polisi dan Garis Panduan Media Sosial TM apabila menggunakan media sosial.
- (v) Kita tidak sepatutnya mengakses mana-mana sumber IT selain untuk tujuan urusan syarikat kecuali kelulusan bertulis terlebih dahulu telah diberikan oleh orang yang diberi kuasa.
- (vi) Akses yang disediakan oleh TM hendaklah digunakan dengan cara yang bersesuaian. Kita dilarang daripada berkongsi akses ID dan kata laluan kita dengan orang lain. Kita juga tidak boleh terlibat dalam apa-apa komunikasi elektronik yang mengandungi ulasan menghina agama, bangsa, politik melampau, gender, umur, asal-usul kenegaraan, kekurangan upaya, menyinggung perasaan, mengganggu, menghina, memfitnah, menghasut, bahan lucah, menjelikkan, atau selainnya seperti perkataan kesat yang boleh mewujudkan suasana ketakharmonian dalam TM.
- (vii) Kita tidak boleh menggunakan kemudahan IT TM untuk menyebarkan secara tidak wajar bahan hak cipta atau berlesen, seperti artikel atau perisian komputer. Kita juga tidak boleh menghantar surat berantai, iklan, atau penggunaan kemudahan IT TM kecuali diberikan kebenaran.
- (viii) Kita tidak boleh mengubah apa-apa data dalam sistem IT kecuali kita diberi kebenaran untuk melakukannya dan kita mestilah sentiasa memastikan bahawa apa-apa perisian yang digunakan memiliki lesen dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- (ix) Kita hendaklah sentiasa dari masa ke masa peka dan merujuk kepada Tadbir Urus IT untuk apa-apa komunikasi, aktiviti atau proses oleh TM yang melibatkan sumber daripada IT. Pengabaian Tadbir Urus IT bukanlah alasan untuk mengingkarinya. Apa-apa kegagalan untuk mematuhi Tadbir Urus IT akan dikenakan tindakan tatatertib. Apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang Malaysia adalah tertakluk (tetapi tidak terhad) kepada Akta Jenayah Komputer Malaysia 1997, CMA, APDP dan undang-undang dan peraturan Malaysia lain yang berkenaan.

10.1(c) Hak Harta Intelek

- (i) Semua hasil kerja atau karya yang dihasilkan dalam tempoh pekerjaan dan boleh dilindungi sebagai hak harta intelek seperti (tetapi tidak terhad kepada) tanda dagangan atau perkhidmatan, paten, dan hak cipta (selepas daripada ini dikenali sebagai “Hak Harta Intelek”), sama ada secara langsung atau tidak langsung hendaklah menjadi dan diletakkan sebagai hak mutlak TM dan kita bertanggungjawab untuk melindungi dan memenuhi kepentingan TM.
- (ii) Kita tidak akan mencero bohi apa-apa Hak Harta Intelek pihak ketiga dalam tempoh pekerjaan bersama TM.
- (iii) Rakan Niaga tidak boleh mencero boh Hak Harta Intelek kita dan pihak ketiga apabila mempunyai urusan perniagaan bersama kita.

10.1(d) Maklumat Hak Milik dan Sulit

- (i) Kita mestilah melindungi dan menghargai semua Maklumat Hak Milik dan Sulit berhubung TM dan Pelanggan dan Rakan Niaga.
- (ii) Kita juga mestilah memastikan kita merahsiakan sepenuhnya semua Maklumat Hak Milik dan Sulit yang diamanahkan kepada kita, dan tidak menggunakan atau cuba untuk menggunakan mana-mana maklumat tersebut dalam apa-apa cara yang boleh atau berkeberangkalian untuk menjejaskan atau menyebabkan kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada TM.
- (iii) Larangan yang dinyatakan di atas hendaklah terus terpakai selepas penamatan atau pemberhentian pekerjaan atau kontrak kita bersama TM.
- (iv) Jika diperlukan untuk mendedahkan apa-apa Maklumat Hak Milik atau Sulit, pastikan kita memaklumkan dengan serta-merta kepada TM secara bertulis dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada TM sebelum apa-apa pendedahan tersebut dilakukan.
- (v) Apa-apa pendedahan Maklumat Hak Milik dan Sulit yang menyalahi undang-undang atau tidak dibenarkan boleh menyebabkan kerugian yang tidak boleh diperbaiki kepada Kumpulan TM.
- (vi) Kita hendaklah bertanggungjawab untuk mengetahui maklumat yang menjadi hak milik dan sulit dan mendapatkan penjelasan apabila terdapat keraguan. Kewajipan ini diteruskan walaupun setelah meninggalkan TM.
- (vii) Penggunaan maklumat TM untuk keuntungan peribadi dilarang sama sekali. Khususnya, kita tidak boleh menjual maklumat Syarikat atau melakukan “pembrokeran maklumat” Syarikat kita dengan pihak yang tidak dibenarkan.
- (viii) Di mana Maklumat Hak Milik dan Sulit diamanahkan kepada orang di luar TM, maka usaha mesti diambil untuk memastikan perlindungan dan kerahsiaan berterusan maklumat tersebut. Dalam TM, Maklumat Hak Milik dan Sulit hendaklah didedahkan hanya atas dasar “perlu tahu” sahaja.

10.2 Memperdagangkan Maklumat Orang Dalam

- 10.2.1 Kita tidak dibenarkan memperdagangkan saham berasaskan maklumat yang memberi kesan kepada harga yang berada dalam pemilikan kita atau yang telah kita ketahui dalam tempoh pekerjaan kita bersama TM.
- 10.2.2 Maklumat yang memberi kesan kepada harga ialah maklumat yang sekiranya disediakan secara umum, akan atau berkecenderungan untuk mempunyai kesan material kepada harga atau nilai saham TM (“Maklumat yang Memberi Kesan kepada Harga”).
- 10.2.3 Seseorang itu adalah “orang dalam” jika orang tersebut memiliki Maklumat yang Memberi Kesan kepada Harga dan mengetahui atau secara munasabah patut mengetahui bahawa maklumat tersebut secara amnya tidak disediakan untuk awam. Sebagai gambaran, seorang Pekerja yang memiliki saham Maklumat yang Memberi Kesan kepada Harga atau menyampaikan Maklumat tersebut kepada pasangannya, yang kemudiannya memaklumkan kepada jiran dan kemudiannya Maklumat tersebut berpindah kepada saudara-mara jiran tersebut. Semua orang ini di dalam rangkaian penyampaian dianggap sebagai “orang dalam” atau “pemberi maklumat” dan tertakluk kepada undang-undang.
- 10.2.4 Bertukar atau “memberi maklumat” kepada orang lain yang mungkin membuat keputusan pelaburan berdasarkan maklumat orang dalam adalah bertentangan dengan undang-undang kebanyakan negara. Dalam konteks undang-undang Malaysia, urusan niaga dalam dianggap sebagai perlakuan yang dilarang di bawah Bahagian V, Subbahagian 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (“CMSA”) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 188 (4) CMSA.

10.3 Ketepatan Rekod Syarikat

- 10.3.1 Kita memerlukan perekodan dan pelaporan maklumat secara jujur dan tepat untuk membuat keputusan perniagaan yang bertanggungjawab. Ini termasuk data seperti rekod kualiti, keselamatan, dan kakitangan, termasuk semua rekod kewangan.
- 10.3.2 Semua buku, rekod dan akaun kewangan mestilah secara tepat menunjukkan urusan niaga dan kejadian, dan kedua-duanya mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dan sistem kawalan dalaman TM. Dalam konteks undang-undang Malaysia, Seksyen 2 Akta Laporan Kewangan 1997 menyatakan “piawaian perakaunan yang diluluskan bermaksud piawaian perakaunan yang dikeluarkan atau diguna pakai oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di bawah perenggan 7(1A) (a) dan 7(1A) (b) dan berkaitan dengan syarikat tersenarai asing dalam bursa saham di Malaysia, boleh diterima menurut piawaian perakaunan yang diiktiraf antarabangsa”.
- 10.3.3 Tiada kemasukan palsu atau pemalsuan yang boleh dibuat. Apabila pembayaran dibuat, ia hanya boleh digunakan bagi tujuan yang dinyatakan dalam dokumen sokongan.
- 10.3.4 Tiada dana tunai TM atau Aset yang tidak direkodkan lain boleh dibentuk secara rahsia untuk apa jua tujuan.
- 10.3.5 Kita hendaklah memastikan urusan niaga dilakukan adalah tulen dan didokumenkan sewajarnya apabila membelanja atau menjanjikan dana TM dan TM menerima nilai yang sewajarnya sebagai pulangan.

10.4 Merekod dan Menyimpan Maklumat Komunikasi Perniagaan

Semua rekod dan komunikasi perniagaan hendaklah jelas, jujur dan tepat. Rekod dan komunikasi perniagaan lazimnya diketahui umum menerusi litigasi, siasatan Kerajaan dan/atau pihak media. Kita akan mengelak penokoktambahan, bahasa berbunga, penekaan, kesimpulan undang-undang, dan ulasan menghina atau penyifatan orang dan syarikat. Ini terpakai kepada semua jenis komunikasi, termasuk emel dan catatan atau memorandum “tidak rasmi”. Rekod hendaklah sentiasa disimpan dan dilupuskan menurut polisi simpanan rekod TM.

10.5 Berkongsi Amalan Terbaik

TM membenarkan dan menggalakkan perkongsian dokumen, maklumat dan pengetahuan amalan terbaik dengan syarikat atau pertubuhan lain dengan syarat bahawa maklumat dan pengetahuan yang dikongsi tidak dianggap sebagai maklumat hak milik dan tidak menjejaskan atau memberi kesan buruk kepada kelebihan perniagaan dan kebersaingan TM .

10.6 Berurusan dengan Data Peribadi

10.6.1 APDP mengawal selia pemprosesan Data Peribadi berhubung dengan urus niaga komersial. APDP memerlukan pematuhan kepada tujuh prinsip perlindungan Data Peribadi yang berikut:

- 10.6.1.1 **Prinsip am:** Menggunakan Data Peribadi hanya untuk tujuan ia diberikan atau untuk mematuhi kewajipan undang-undang. Keizinan diperlukan jika penggunaan untuk tujuan berbeza atau data peribadi sensitif sedang diproses, Pemprosesan ditakrif sebagai mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi atau menjalankan apa-apa operasi atau set operasi berkenaan data peribadi tersebut termasuk proses yang diambil dari sumber luar.
- 10.6.1.2 **Prinsip Notis dan Pilihan:** Selaras dengan konsep penggunaan adil, pengguna data mestilah memaklumkan kepada pemilik Data Peribadi tentang sifat data tersebut diproses, tujuan data tersebut dikumpul dan diproses lebih lanjut dan hak subjek data untuk meminta akses dan pembetulan kepada Data Peribadi, dan sebagainya. Pemberitahuan boleh dilakukan dalam bentuk elektronik selagi individu tersebut boleh merekod dan menyimpan salinan.
- 10.6.1.3 **Prinsip Penzahiran:** Hadkan penzahiran Data Peribadi kepada tujuan yang mana subjek data telah dimaklumkan pada masa pengumpulan dan kerananya subjek data telah memberi keizinan. Senarai penzahiran yang dibuat kepada pihak ketiga mestilah disimpan.
- 10.6.1.4 **Prinsip Keselamatan:** Ambil langkah praktikal untuk melindungi keselamatan Data Peribadi daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak disengajakan, perubahan atau pelupusan.

- 10.6.1.5 **Prinsip Simpanan:** Jangan simpan Data Peribadi untuk tempoh lebih lama daripada yang diperlukan bagi penyempurnaan tujuannya.
 - 10.6.1.6 **Prinsip Integriti Data:** Ambil langkah sewajarnya untuk memastikan Data Peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan, dan dikemaskinikan dengan mengambil kira tujuannya, termasuk apa-apa tujuan yang berkaitan secara langsung, yang kerananya Data Peribadi tersebut dikumpul dan diproses lebih lanjut.
 - 10.6.1.7 **Prinsip Akses:** Benarkan subjek data mengakses Data Peribadinya yang disimpan oleh pengguna data dan membetulkan Data Peribadi tersebut sekiranya ada yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemas kini.
- 10.6.2 Data Peribadi berkait secara langsung atau tidak langsung dengan subjek data, yang telah dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam simpanan pengguna data, termasuk apa-apa Data Peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data. Sebagai contoh: nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, nombor telefon mudah alih dan sebagainya.
- 10.6.3 Dalam hal di mana pemprosesan Data Peribadi diserahkan kepada pihak ketiga, yang dikenali sebagai pemproses data, maka menjadi tanggungjawab pengguna data untuk memastikan pemproses data tersebut menyediakan jaminan yang mencukupi untuk melindungi data peribadi tersebut daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, perubahan atau pelupusan.
- 10.6.4 APDP memberi kesan kepada proses pengurusan kitaran hayat Data Peribadi bermula dari Data Peribadi dikumpul, diguna, disimpan hinggalah dilupuskan. APDP terpakai kepada data peribadi Pelanggan, Pekerja dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Cara syarikat mengurus niaga akan pasti terkesan apabila proses perniagaan perlu dimurnikan untuk mematuhi keperluan APDP. Paling penting, repositori pusat mungkin diperlukan untuk pengurusan keizinan. Proses menjadi lebih kompleks apabila melibatkan pemindahan Data Peribadi rentas sempadan.
- 10.6.5 Dalam usaha untuk memastikan pematuhan APDP, TM ingin menarik perhatian anda kepada:
- 10.6.5.1 Polisi Privasi TM untuk Pekerja disediakan di Portal Pengurusan Modal Insan Kumpulan: <http://1intra/workgroups/hc/home3/default.aspx>; dan
 - 10.6.5.2 Penyataan Privasi TM di Laman Sesawang Korporat TM: www.tm.com.my

11. KONFLIK KEPENTINGAN

Kita beroperasi dan membuat keputusan perniagaan berdasarkan kepentingan TM, bukannya pertimbangan atau hubungan peribadi. TM mengharapkan kita mengelak situasi di mana kepentingan peribadi boleh bercanggah atau dilihat bercanggah dengan kepentingan TM. Bagi tujuan mengelakkan keraguan, Konflik Kepentingan wujud di mana Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja boleh menyalah guna jawatan mereka untuk keuntungan peribadi. Kita mempunyai kewajipan fidusiari kepada TM untuk memastikan kita tidak meletakkan diri kita dalam kedudukan di mana kepentingan peribadi kita bercanggah dengan TM. Hubungan fidusiari bermaksud bahawa Pekerja mestilah bertindak dengan suci hati yang tinggi dan tidak menyalah guna keyakinan TM.

11.1 Pertimbangan Am

- 11.1.1 Keputusan dan tindakan perniagaan mestilah tidak dipengaruhi oleh kepentingan, pertimbangan atau hubungan peribadi. Hubungan dengan Rakan Niaga, Pelanggan, pesaing atau pengawal selia berprospektif atau sedia ada mestilah tidak memberi kesan kepada keputusan bebas dan arif anda bagi pihak TM.
- 11.1.2 Konflik Kepentingan akan timbul apabila kebolehan kita untuk melaksanakan kewajipan kita secara berkesan dan tidak berpihak, berkemungkinan akan terjejas oleh pelantikan, hubungan atau aktiviti luaran. Kita tidak boleh mengambil kesempatan yang tidak wajar daripada jawatan kita atau maklumat yang diperoleh dalam tempoh pekerjaan kita.
- 11.1.3 Kita diharapkan untuk melaksanakan pertimbangan yang waras dalam mengelak apa-apa Konflik Kepentingan dan bertindak dengan cara yang konsisten dengan memberi perkhidmatan sepenuh masa kita kepada TM. Bagaimanapun, dalam beberapa keadaan, persoalan sama ada Konflik Kepentingan wujud boleh menjadi kurang jelas dan terbuka kepada pentafsiran. Pada bila-bila masa keadaan seperti itu berlaku, kita perlu merujuk kepada pegawai atasan kita yang berkenaan atau Bahagian Perundangan.

11.2 Pelantikan, Jawatan Pengarah/Urusan Perniagaan Di Luar

11.2.1 Peraturan Am

- 11.2.1.1 Peraturan am adalah kita tidak boleh menerima pekerjaan atau melakukan kerja untuk mana-mana syarikat, firma atau pertubuhan lain.
- 11.2.1.2 Bagaimanapun, kita dibenarkan untuk:
 - (i) Membantu komuniti dengan menjadi ahli biasa atau memegang jawatan kepimpinan seperti berkhidmat dalam lembaga pertubuhan bukan keuntungan atau komuniti, selagi aktiviti tersebut tidak merugikan TM dan keterlibatan kita tidak akan menjejaskan prestasi kerja. Bagaimanapun, sekiranya pertubuhan seperti itu mempunyai apa-apa hubungan dengan TM atau menerima dan/atau mendapat apa-apa bentuk bantuan kewangan atau sokongan lain daripada TM, kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Modal Insan, Pengurusan Modal Insan Kumpulan (“GHCM”) mestilah diperoleh sebelum menyertai dan/atau menerima jawatan atau keahlian tersebut.

- (ii) Menerima honorarium untuk ceramah/ucapan yang disampaikan atau nasihat pakar yang diberikan dalam kapasiti kita sebagai pakar dalam bidang tertentu atau sebagai Pekerja TM. Semua pelawaan untuk perkhidmatan kita mestilah diluluskan oleh pegawai atasan masing-masing. Honorarium yang diterima mestilah diisytiharkan kepada pegawai atasan yang meluluskan dan kepada Ketua Pegawai Modal Insan. GHCM mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mendapatkan penjelasan berkenaan jumlah honorarium yang diterima dan/atau membuat keputusan sama ada kita boleh atau tidak boleh menyimpan honorarium tersebut sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- (iii) Berkhidmat bagi pihak TM sebagai pegawai atau Ahli Lembaga Pengarah sesebuah syarikat yang mewakili dan mencerminkan kepentingan TM.

11.2.1.3 Apa-apa aktiviti luaran mestilah diasingkan sama sekali daripada pekerjaan kita di TM dan tidak boleh menjejaskan prestasi kerja kita. Kita mesti memastikan kemahiran kita tidak digunakan dalam cara yang boleh menjejaskan TM dengan teruk.

11.2.1.4 Kita tidak dibenarkan untuk menerima pelantikan pengarah atau menjadi rakan kongsi dalam entiti luaran, yang sama ada tersenarai dalam senarai Rakan Niaga yang dibenarkan TM dalam mana-mana peringkat yang mempunyai apa jua bentuk urusan perniagaan secara langsung atau tidak langsung dengan TM. Dalam keadaan tertentu, kebenaran untuk menyertai entiti tersebut boleh dibenarkan tertakluk kepada budi bicara Ketua Pegawai Modal Insan, GHCM. GHCM mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mendapatkan penjelasan berkenaan penglibatan anda dalam hal ini.

11.3 Penglibatan dalam Aktiviti Lain Di Luar Pekerjaan dan Jenis Pekerjaan Lain

- 11.3.1 TM mengakui bahawa Pekerja mungkin mahu terlibat dalam aktiviti di luar pekerjaan mereka, di mana bersifat peribadi dan tidak berkaitan dengan perniagaan TM.
- 11.3.2 Keterlibatan boleh berkaitan tetapi tidak terbatas kepada apa-apa bentuk pekerjaan sementara yang tidak terikat seperti pekerjaan bebas dan aktiviti berkaitan perniagaan mikro, sama ada penyertaan tersebut melibatkan bekerja sebagai ejen bebas untuk jangka pendek, fleksibel atau komitmen sementara. Ini termasuk apa-apa bentuk keterlibatan dalam apa-apa bentuk media seperti juruacara, jurugambar, pempengaruh sosial, pentadbir web dan sebagainya.
- 11.3.3 Bagaimanapun, penglibatan dalam keadaan di mana Pekerja terikat dengan dua atau lebih kontrak pekerjaan dengan dua atau lebih entiti adalah dilarang. Sebagai contoh, Pekerja Sambilan.
- 11.3.4 Dalam keadaan tersebut, Pekerja mestilah bertanggungjawab untuk menggunakan pertimbangan terbaik mereka untuk menilai secara objektif aktiviti ini bagi memastikan aktiviti tersebut tidak mengganggu dalam apa-apa bentuk atau cara dan/atau meletakkan kita dalam kedudukan yang mungkin bercanggah dengan kewajipan dan tanggungjawab utama kita dengan TM.

11.3.5 Pekerja diingatkan mengenai Prinsip Panduan yang mesti diguna pakai:

- (i) Penglibatan mestilah tidak menjejaskan reputasi TM. Kita mempunyai kewajipan kepada TM untuk memberikan komitmen sepenuhnya demi kepentingan TM pada setiap masa.
- (ii) Kita tidak akan terlibat dengan apa-apa bentuk aktiviti, syarikat atau pertubuhan yang secara langsung atau tidak langsung boleh bersaing dengan perniagaan, produk dan perkhidmatan syarikat semasa dan pada masa hadapan.
- (iii) Kita tidak dibenarkan menggunakan apa-apa bentuk aset, sumber, sistem, bekalan, maklumat, premis atau waktu bekerja TM, untuk mempromosi kepentingan pelantikan gig kita.
- (iv) Kita tidak boleh menzahir, mendedah, menghantar atau berkongsi dalam apa-apa bentuk atau cara mana-mana polisi, program, maklumat TM kepada mana-mana individu, entiti, syarikat atau pertubuhan tanpa kebenaran nyata daripada pegawai atasan kita, tanpa mengambil kira sama ada individu atau entiti ini adalah pesaing atau sebaliknya.

11.3.6 Kita hendaklah mengisytiharkan penglibatan kita dalam sistem DOA. Bagaimanapun, jika pada bila-bila masa penglibatan dalam aktiviti tersebut boleh mendatangkan Konflik Kepentingan, kita diwajibkan untuk mendedah dan mendapatkan kebenaran bertulis dengan segera daripada Ketua Pegawai Modal Insan.

11.4 Pemilikan Ekuiti dalam Entiti yang Mempunyai Hubungan Perniagaan dengan TM

11.4.1 Kita tidak dibenarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai contoh, melalui Keluarga kita sebagai proksi; memegang saham atau kepentingan berbentuk lain:

11.4.1.1 Entiti milik persendirian yang menghasilkan sebahagian besar pendapatan mereka daripada kontrak atau aturan perniagaan lain dengan TM.

11.4.1.2 Entiti milik persendirian yang disenaraikan dalam senarai Rakan Niaga TM yang dibenarkan dalam mana-mana peringkat, walaupun entiti berkenaan tidak menghasilkan kebanyakan pendapatannya secara langsung atau tidak langsung daripada kontrak atau aturan perniagaan lain dengan TM.

11.4.1.3 Entiti milik persendirian yang membekal bahan, kelengkapan, harta dan/atau perkhidmatan kepada TM sama ada secara langsung atau tidak langsung.

11.4.2 Seperti yang dapat dilihat, peraturan di atas tidak terpakai kepada saham yang kita pegang dalam syarikat tersenarai awam yang mempunyai hubungan perniagaan dengan TM, sama ada secara langsung atau melalui anak syarikat.

- 11.4.3 Bagaimanapun, sekiranya TM mempunyai sebab yang munasabah untuk yakin bahawa penglibatan tersebut boleh menyebabkan percanggahan dengan kewajipan kita sebagai Pekerja, maka kita hendaklah mengisytiharkan secara jelas berkenaan kepentingan tersebut menurut prosedur yang diperlukan dan diiktiraf (sebagai contoh melalui sistem DOA atau kaedah lain), dan kita hendaklah membawa perkara tersebut untuk perhatian segera Ketua Pegawai Modal Insan. Selepas itu, kita hendaklah mengecualikan diri kita daripada apa-apa penglibatan dalam urusan perniagaan tersebut.

Kita mengakui bahawa TM mempunyai hak untuk mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan keadaan tersebut tidak bercanggah dengan kepentingan TM.

- 11.4.4 Sebagai Pekerja, kita juga perlu memberi perhatian kepada Seksyen 3 Akta SPRM 2009 yang merumuskan takrifan yang lebih luas bagi perkataan Keluarga; dan Pekerja boleh didakwa di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 jika dibuktikan bahawa Pekerja tersebut telah menggunakan pejabat atau jawatannya untuk apa-apa Suapan untuk diri atau saudaranya.

11.5 Hubungan Peribadi

- 11.5.1 Potensi untuk Konflik Kepentingan wujud juga jika mana-mana orang yang dengannya kita mempunyai Hubungan Rapat juga bekerja di TM dan berada dalam hubungan pelaporan dengan kita. Ini juga boleh mewujudkan peluang untuk amalan pilih kasih atau berat sebelah. Hubungan tersebut juga boleh menjejaskan nilai teras seperti rasa hormat dan percaya dalam kalangan Pekerja dan Rakan Niaga.
- 11.5.2 Sewajarnya, kita tidak dibenarkan berada dalam Bahagian yang sama dan/atau tidak boleh secara langsung atau tidak langsung menyelia atau berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi pengambilan bekerja, penentuan atau penilaian kerja orang yang mempunyai hubungan dengan kita. Apa-apa penempatan semula orang tersebut mestilah mempunyai kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Modal Insan GHCM.

11.6 Urusan Perniagaan Dengan Pekerja

- 11.6.1 TM tidak akan membeli atau menyewa harta, kelengkapan atau bahan atau memasuki urusan perniagaan (selain kontrak pekerjaan) dengan Pekerja, kecuali dalam keadaan luar biasa dan dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pegawai Modal Insan, GHCM.
- 11.6.2 Sebagai pengecualian lanjutan, TM tidak melarang penyewaan rumah atau bangunan yang dimiliki Pekerja atau Keluarga mereka dengan syarat kepentingan tersebut telah diisytiharkan kepada Ketua Pegawai Modal Insan, GHCM.

11.7 Aktiviti Pelaburan

- 11.7.1 Kita dilarang membenarkan aktiviti pelaburan kita mempengaruhi, atau kelihatan mempengaruhi, pertimbangan bebas kita bagi pihak TM. Keadaan yang paling berkeberangkalian untuk mewujudkan keadaan Konflik Kepentingan adalah apabila kita mempunyai pelaburan dalam pesaing, Rakan Niaga, atau Pelanggan dan keputusan kita mungkin mempunyai impak perniagaan ke atas pihak luaran ini. Jika terdapat apa-apa keraguan tentang cara pelaburan mungkin dapat difahami, ia hendaklah didedahkan kepada pegawai atasan kita.
- 11.7.2 Kita juga dilarang secara langsung atau secara tidak langsung daripada membeli, atau sebaliknya mendapatkan hak kepada mana-mana harta atau bahan, bila kita menyedari bahawa TM mungkin berminat dalam mengambil peluang tersebut dan maklumat tidak diketahui umum.

11.8 Aktiviti dan Sumbangan Politik

11.8.1 Sumbangan Politik

Kita tidak boleh membuat apa-apa sumbangan atau pembayaran politik bagi pihak TM.

11.8.2 Aktiviti Politik

- 11.8.2.1 TM mengiktiraf bahawa Pekerja dalam peranan mereka sebagai warga negara berhak untuk menyertai aktiviti politik yang sah. Bagaimanapun, kita mestilah mendedahkan dan mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Modal Insan, Pengurusan Modal Insan Kumpulan jika kita hendak bertanding untuk pemilihan atau ingin memegang apa-apa jawatan terpilih sebagai pemegang jawatan dalam mana-mana parti politik di peringkat Cawangan, Bahagian, Negeri atau Kebangsaan parti politik tersebut.
- 11.8.2.2 Kita mestilah meletak jawatan daripada pekerjaan TM jika kita ingin menyertai secara aktif sepenuh masa dalam politik atau dinamakan sebagai calon dalam mana-mana pilihanraya atau dipilih sebagai wakil dalam Badan Perundangan Negeri atau Persekutuan.
- 11.8.2.3 Kita tidak boleh dilihat memberi sokongan atau memberikan apa-apa keutamaan kepada mana-mana parti politik. Jangan nyatakan pandangan politik kita dalam cara di mana orang lain melihatnya sebagai pernyataan kita bagi pihak TM.
- 11.8.2.4 Kita mesti memastikan apa-apa penyertaan dalam kempen politik dijalankan dengan masa kita sendiri, dengan sumber kita sendiri dan menurut prosedur TM yang terpakai. Penglibatan kita hendaklah diasingkan daripada peranan dan tanggungjawab kita sebagai Pekerja TM.

11.9 Kewangan Peribadi

- 11.9.1 Kita dan Keluarga kita tidak boleh meminjam daripada atau memberi pinjaman wang kepada Pelanggan, Rakan Niaga dan kontraktor bebas. Kita tidak boleh dalam apa-apa cara meletakkan diri kita di bawah apa-apa kewajipan serius kepada mana-mana orang yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada bidang kuasa rasmi kita atau dengan orang yang kita mempunyai atau berkeberangkalian untuk mempunyai urusan rasmi.
- 11.9.2 Bagaimanapun, kita boleh meminjam wang atau membeli barang secara kredit daripada Pelanggan atau Rakan Niaga yang berada dalam perniagaan perkhidmatan pembiayaan, selagi kita tidak menerima layanan istimewa.
- 11.9.3 Bagaimanapun, Kod ini tidak menghalang kita daripada meminjam atau memberi pinjaman kepada ahli Keluarga atau rakan dalam kapasiti peribadi dan tidak bercanggah dengan etika perniagaan.
- 11.9.4 Dalam apa-apa keadaan, kita tidak boleh meletakkan TM dalam keadaan kewangan yang memalukan yang boleh mencemar nama baik TM.

11.10 Pengubahan Wang Haram

- 11.10.1 Kita mesti memahami perniagaan dan latar belakang mana-mana pihak ketiga yang berprospek yang mahu berurusan dengan TM. Penilaian wajar perlulah dilakukan bagi memahami perniagaan dan latar belakang pihak tersebut untuk menentukan perkhidmatan dan asal usul serta destinasi wang dan harta pihak tersebut.
- 11.10.2 Apa-apa insiden yang mencurigakan dalam transaksi pengubahan wang haram mestilah dilaporkan kepada unit Integriti dan Governans Kumpulan.
- 11.10.3 Bagi tujuan peruntukan ini, “pengubahan wang haram” berlaku bila duit atau aset yang mempunyai sumber atau unsur jenayah diselindungi dalam urus niaga perniagaan yang sah bila dana sah digunakan untuk menyokong aktiviti jenayah dan keganasan.
- 11.10.4 Di Malaysia, kesalahan pengubahan wang haram termaktub di bawah Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

11.11 Aktiviti Perkhidmatan Awam, Rekreasi, Sukan dan Komuniti

- 11.11.1 Kita digalakkan untuk menyertai dalam mana-mana aktiviti bersifat perkhidmatan awam, rekreasi, sukan dan komuniti lain yang tidak berbayar dan secara sukarela di luar waktu bekerja. Kita mestilah berupaya untuk menjalankan tanggungjawab berganda kita dengan baik berhubung dengan masa yang diambil oleh aktiviti luaran dan pekerjaan sepenuh masa kita di TM.
- 11.11.2 Jika kita ingin berkhidmat dalam badan berkanun atau awam, kita mestilah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Modal Insan, GHCM.
- 11.11.3 Kita mestilah mendapatkan kebenaran bertulis daripada penyelia terdekat kita jika kita yakin bahawa ia cukup penting untuk mengambil pelepasan masa pada waktu bekerja untuk menjalankan beberapa aktiviti atau kewajipan luaran.

11.12 Pendedahan dan Pengisytiharan

11.12.1 Pengisytiharan berkenaan Konflik Kepentingan hendaklah dibuat sebaik sahaja berlakunya konflik tersebut, dan hendaklah dibuat seberapa segera yang boleh, sebaik sahaja Pekerja menyedari berlakunya konflik tersebut.

11.12.2 Semua ahli Pengurusan dan Pekerja bertanggungjawab untuk mendedah dan/atau mengisytiharkan yang berikut:

No	Jenis Pengisytiharan	Kepada Siapa	Kekerapan
1	Pengisytiharan Aset dan Kepentingan Pekerja dan pasangan mereka	Melalui Sistem DOA yang ditetapkan oleh TM	Setiap Tahun / Seperti dan Bila Diperlukan
2	Keluarga bekerja atau menyediakan apa-apa jenis perkhidmatan kepada pesaing (secara langsung atau tidak langsung)	Melalui Sistem DOA yang ditetapkan oleh TM	
3	Konflik Kepentingan (i) Pelantikan, Jawatan Pengarah/Urusan Perniagaan Di Luar (ii) Penglibatan dalam aktiviti lain di luar pekerjaan (iii) Pemilikan Ekuiti dalam Entiti yang Mempunyai Hubungan Perniagaan dengan TM (iv) Hubungan Peribadi (v) Urusan Kontrak dengan Pekerja (vi) Aktiviti Politik	(i) Melalui Sistem DOA yang ditetapkan oleh TM (ii) Ketua Pegawai Modal Insan, jika pada bila-bila masa aktiviti/keterlibatan/penglibatan boleh menyebabkan Konflik Kepentingan berpotensi atau sebenar	(i) Setiap Tahun (ii) Seperti dan Bila Diperlukan
4	Konflik Kepentingan - Aktiviti Pelaburan (11.7)	Pegawai Atasan	Seperti dan Bila Diperlukan

Nota: *

Ketua Bahagian mestilah membuat pendedahan segera kepada Ketua Pegawai Modal Insan apabila menyedari hubungan tersebut

11.12.3 Dengan merujuk kepada konflik kepentingan yang disebut dalam jadual 11.12.2 (Perkara 3), pengurusan kanan hendaklah mendedahkan apa-apa konflik kepada pihak berkuasa yang berikut:

No	Jenis Pelaporan	Kepada Siapa	Kekerapan
1	Lembaga Pengarah	Lembaga Pengarah (melalui Pengerusi dan/atau Setiausaha Syarikat)	Seperti dan bila berlakunya konflik tersebut (dan direkodkan oleh Setiausaha Syarikat)
2	Laporan langsung kepada CEO Kumpulan (secara pentadbiran atau operasi)	CEO Kumpulan	Selepas pelantikan / Seperti dan bila diperlukan (dan direkodkan oleh GHCM)
3	Laporan Bukan Langsung kepada CEO Kumpulan	Ketua Pegawai Modal Insan	

12. MEMAHAMI PERATURAN MENGENAI HADIAH, KERAIAN DAN LAYANAN BAIK KORPORAT

12.1 Peruntukan Am

12.1.1 Sebagai sebuah Badan Awam, TM melarang penggunaan hadiah, keraian dan layanan baik korporat untuk mempengaruhi secara tidak beretika keputusan perniagaan. TM mengamalkan polisi “tiada hadiah” untuk mengelak sogokan dan rasuah. Kita mestilah mematuhi Undang-undang Terpakai termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta SPRM 2009, yang antara lain mengenakan liabiliti korporat sepenuhnya terhadap TM terhadap amalan rasuah Pengarah dan/atau Pkerjanya.

12.1.2 “Hadiah, keraian dan layanan baik korporat” bermaksud apa jua yang mempunyai nilai. Ia boleh termasuk yang berikut (bukan senarai yang lengkap):

- makanan
- perjalanan dan penginapan
- diskaun
- pinjaman
- tunai
- perkhidmatan
- hadiah perkhidmatan
- pengangkutan
- penggunaan kenderaan atau kemudahan percutian
- penambahbaikan rumah
- tiket ke acara hiburan/sukan
- kad atau sijil hadiah
- saham
- produk
- syarat yang menguntungkan ke atas produk atau

12.2 Hadiah

12.2.1 Kita atau Keluarga kita dilarang secara langsung atau tidak langsung daripada:

12.2.1.1 meminta, memohon, mengambil hadiah (tunai atau selainnya) daripada Rakan Niaga atau mana-mana pihak ketiga yang mempunyai urusan dengan TM; atau

12.2.2 Kita mestilah memaklumkan kepada Rakan Niaga atau mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam urusan perniagaan dengan TM berkenaan Polisi Hadiah dan mereka mestilah menghormati dan mematuhi polisi TM.

12.2.3 Mengambil atau Menerima

Kita tidak dibenarkan untuk mengambil atau menerima hadiah untuk diri kita atau pihak ketiga.

12.2.4 Memberi atau Menawar

12.2.4.1 Kita tidak dibenarkan untuk memberi hadiah kepada pihak ketiga kecuali ia menurut Garis Panduan Hadiah Korporat dan Premium, Garis Panduan Pengurusan Barangan Premium TM.

12.2.4.2 Kita dilarang untuk memberi atau menawarkan hadiah jika ia melanggar polisi penerima atau , dalam apa jua cara, boleh dianggap sebagai rasuah atau sogokan.

12.2.5 Pengecualian kepada Polisi Hadiah

12.2.5.1 Terdapat beberapa keadaan di mana peruntukan hadiah diizinkan seperti yang berikut:

- (i) Pertukaran hadiah di peringkat syarikat ke syarikat.
- (ii) Hadiah daripada syarikat kepada institusi atau individu luaran berkaitan upacara, acara dan sambutan rasmi syarikat.
- (iii) Hadiah daripada TM kepada Pekerja dan Pengarah dan/atau ahli Keluarga mereka berkaitan dengan upacara, acara dan sambutan dalaman atau luaran yang diiktiraf oleh Syarikat.
- (iv) Pemberian token bernilai nominal lazimnya mempunyai nama atau logo syarikat TM atau yang diberikan sama rata kepada orang awam, perwakilan, Pelanggan, pameran, latihan, pertunjukan perdagangan, dan sebagainya dan dianggap sebagai sebahagian daripada pembinaan jenama dan aktiviti promosi TM.
- (vi) Hadiah kepada pihak luaran yang tidak mempunyai urusan perniagaan dengan TM (sebagai contoh, hadiah kewangan atau hadiah berbentuk barangan kepada pertubuhan amal).

12.3 Keraian dan Layanan Baik Korporat

12.3.1 Apa-apa penajaan berkaitan perjalanan perniagaan oleh Rakan Niaga tidak dibenarkan sama sekali kecuali perjalanan tersebut ditetapkan, dipersetujui lebih awal dan diperincikan dalam kontrak antara TM dan Rakan Niaga tersebut.

12.3.2 TM tidak akan membayar apa-apa perbelanjaan pengangkutan dan penginapan untuk atau ditanggung oleh Pelanggan atau Rakan Niaga dan lawatan tersebut mestilah untuk tujuan perniagaan yang sah, sebagai contoh, pemeriksaan tapak kelengkapan, rundingan kontrak, atau latihan kecuali dinyatakan dalam kontrak.

12.3.3 Apa-apa perjalanan yang disediakan oleh TM atau Rakan Niaga mestilah disokong oleh program yang terperinci.

12.3.4 Penawaran keraian atau layanan baik korporat bagi mendapatkan atau mengekalkan perniagaan dilarang sama sekali.

12.3.5 Kita dilarang untuk memberi atau menerima keraian atau layanan baik korporat yang salah di sisi undang-undang, tidak sesuai atau akan melanggar komitmen kita kepada TM. Kita hendaklah menolak secara baik keraian atau layanan baik korporat yang tidak mematuhi Kod ini atau mana-mana Undang-undang Terpakai.

12.4 Memberi Hadiah dan Keraian kepada Pegawai Kerajaan

- 12.4.1 Kita dilarang daripada menawar hadiah, keraian dan layanan baik korporat kepada Pegawai Kerajaan. Kerajaan melarang pemberian apa-apa jua yang bernilai kepada Pegawai Kerajaan bagi mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau untuk mendapatkan apa-apa kelebihan lain yang tidak wajar.
- 12.4.2 Pemberian hadiah, keraian dan layanan baik korporat kepada Pegawai Kerajaan atau Keluarga/ahli isi rumah mereka secara amnya dianggap sebagai situasi amaran yang memerlukan kita berwaspada.

12.5 Derma Amal, Penajaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat

- 12.5.1 Semua derma, penajaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dibuat menurut Garis Panduan Pengurusan Penajaan TM.
- 12.5.2 Kita dilarang daripada membuat apa-apa sumbangan yang bertujuan untuk mempengaruhi atau boleh dianggap untuk mempengaruhi tender atau keputusan lain yang berpihak kepada TM.
- 12.5.3 Penilaian wajar mestilah dilaksanakan ke atas penerima untuk menentukan sama ada penerima adalah badan atau pertubuhan yang sah.

12.6 Bayaran Pemudahan

- 12.6.1 TM melarang apa-apa bentuk bayaran pemudahan.
- 12.6.2 Pekerja yang mengetahui berlakunya amalan bayaran pemudahan tersebut di TM hendaklah melapor kepada Talian Etika TM dengan segera.

13. POLISI PENCEGAHAN RASUAH

Kumpulan TM mengamalkan polisi Toleransi Sifar dengan pendekatan atas ke bawah terhadap semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pekerja dan Rakan Niaga bertanggungjawab untuk mempertahankan reputasi TM dan menggunakan piawaian tatalaku beretika dan berintegriti yang tertinggi dalam urusan perniagaan mereka selaras dengan visi dan misi TM dan Nilai Teras TM (KRISTAL).

Polisi Pencegahan Rasuah TM (“Polisi Pencegahan Rasuah”) menetapkan parameter untuk mencegah berlakunya amalan sogokan dan rasuah berhubung perniagaan Kumpulan TM.

13.1 Pematuhan Undang-Undang

- 13.1.1 Pekerja dan Rakan Niaga komited untuk mematuhi Akta SPRM 2009, termasuk peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A dan semua Undang-undang Terpakai.
- 13.1.2 Sebagai Pegawai Badan Awam, mana-mana Pekerja TM yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk Suapan seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009, melakukan satu kesalahan dan akan diambil tindakan di bawah Akta SPRM 2009.

13.2 Sogokan dan Rasuah

- 13.2.1 Kita dilarang daripada menerima atau meminta, memberi atau menawar apa-apa bentuk Suapan sebagai dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau menahan apa-apa tindakan berkaitan apa-apa perkara yang mana Rakan Niaga, rakan atau Keluarga yang mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- 13.2.2 Rakan Niaga kita juga dilarang daripada menawar dan/atau memberi apa-apa bentuk Suapan kepada kita sebagai dorongan atau ganjaran untuk kita menggunakan jawatan atau kedudukan kita apabila membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan berkaitan dengan apa-apa perkara di mana Rakan Niaga, rakan atau Keluarga mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- 13.2.3 Pekerja dan Rakan Niaga dilarang daripada memberi secara rasuah, bersetuju untuk memberi, menjanjikan atau menawar kepada mana-mana pihak ketiga, apa-apa Suapan untuk manfaat pihak tersebut atau pihak lain dengan niat untuk mendapatkan dan mengekalkan perniagaan untuk Kumpulan TM; atau untuk mendapatkan atau mengekalkan kelebihan dalam menjalankan perniagaan untuk Kumpulan TM.
- 13.2.4 TM menggalakkan semua Pekerja dan Rakan Niaga untuk melapor dengan segera apa-apa amalan rasuah dalam Kumpulan TM seperti yang dinyatakan dalam Peruntukan 14 Kod ini (Polisi Pemberian Maklumat dan Pelaporan).
- 13.2.5 Apa-apa kesalahan menerima, meminta, memberi atau menawarkan apa-apa bentuk Suapan akan diambil tindakan di bawah Akta SPRM 2009 atau mana-mana Undang-undang Terpakai lain.
- 13.2.6 Pekerja dan Rakan Niaga dikehendaki mematuhi Kod ini dan Panduan Pencegahan Rasuah termasuk mempertahankan polisi toleransi sifar TM terhadap sogokan dan rasuah.

13.3 Komitmen Peringkat Tertinggi

13.3.1 Lembaga Pengarah TM komited untuk:

- (i) menyelia pembentukan, pelaksanaan dan penguatkuasaan polisi dan prosedur berkesan di seluruh Kumpulan TM untuk menangani secukupnya risiko rasuah di TM; dan
- (ii) menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman tersebut dan pematuhan semua Undang-undang Terpakai;

13.3.2 Pengurusan TM komited untuk:

- (i) memastikan bahawa keputusan audit, semakan penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasi berkaitan risiko rasuah dilaporkan kepada Lembaga Pengarah, dan diambil tindakan;
- (ii) mengurus dengan berkesan risiko rasuah utama syarikat termasuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan dan penambahbaikan berterusan pematuhan pencegahan sogokan di TM; dan
- (iii) memastikan polisi dan komitmen TM berkenaan pencegahan rasuah disampaikan secukupnya kepada pihak dalaman dan luaran;

13.4 Fungsi Pematuhan Pencegahan Sogokan

Integriti dan Governans Kumpulan (Group Integrity & Governance atau GIG), yang diketuai oleh Ketua Pegawai Integriti dan Governans sebagai badan bebas yang bertanggungjawab memantau pematuhan inisiatif pencegahan rasuah berdasarkan Garis Panduan Kementerian mengenai Tatacara Mencukupi (Prinsip TRUST) termasuk Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan TM dan melapor kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk isu berkaitan sogokan dan rasuah.

13.5 Pematuhan Polisi Pencegahan Rasuah

13.5.1 Pekerja dan Rakan Niaga mestilah mematuhi Polisi Pencegahan Rasuah. Ketakpatuhan atau pelanggaran Polisi Pencegahan Rasuah oleh mana-mana Pekerja boleh mengakibatkan tindakan tatatertib oleh TM menurut polisi, prosedur dan garis panduan TM dan/atau tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang terlibat.

13.5.2 Rakan Niaga juga hendaklah mematuhi Polisi Pencegahan Rasuah. Ketakpatuhan atau pelanggaran Polisi Pencegahan Rasuah boleh menyebabkan pengurusan konsekuensi diambil oleh Kumpulan TM.

13.6 Panduan Pencegahan Rasuah TM (Anti-Corruption Guide atau ACG)

Panduan Pencegahan Rasuah TM (ACG) telah menetapkan garis panduan berhubung permintaan, penyogokan, dan rasuah tidak wajar yang boleh berlaku dalam urusan perniagaan TM. Sekiranya terdapat percanggahan antara Kod ini dan ACG, maka Kod ini akan terpakai.

14. POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT DAN PELAPORAN

- 14.1 TM dan Lembaga Pengarah komited kepada program pemberian maklumat dalaman dengan memperkenalkan platform yang selamat dan boleh diterima untuk Pekerja dan Rakan Niaga bagi menyalurkan aduan tentang perlakuan tidak wajar tidak terhad kepada perlakuan yang salah di sisi undang-undang, tidak beretika, perlakuan perniagaan tidak wajar yang menjejaskan TM dan mengenai peluang penambahbaikan perniagaan.
- 14.2 Program pemberian maklumat dalaman tersebut membolehkan kita mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan dalam TM tanpa kesan negatif yang terhasil daripada pendedahan awam, seperti kejatuhan imej dan reputasi Syarikat, kesulitan kewangan, kehilangan keyakinan pelabur atau kejatuhan nilai harga saham.
- 14.3 Pekerja dan Rakan Niaga juga digalakkan untuk mendedahkan secara berhati-hati aduan tentang perlakuan perniagaan yang tidak wajar dalam TM. Dengan cara ini, Pekerja dan Rakan Niaga dapat membantu TM memantau dan mengesan perlakuan perniagaan yang salah di sisi undang-undang, tidak beretika atau tidak wajar dalam TM yang dalam hal yang lain mungkin tidak dapat dikesan dengan mudah menerusi proses atau urus niaga biasa. Jika kita mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa kesalahan mungkin telah berlaku, TM boleh menerima pendedahan tanpa nama untuk penyiasatan.
- 14.4 Polisi Pemberian Maklumat disasarkan kepada Pekerja dan Rakan Niaga untuk mengutarakan perkara dengan cara yang bebas dan tidak berat sebelah.
- 14.5 Pekerja dan Rakan Niaga boleh membuat pendedahan perlakuan tidak wajar berdasarkan keyakinan munasabahnya bahawa terdapat mana-mana orang terlibat, sedang terlibat atau bersiap-sedia untuk terlibat dalam perlakuan tidak wajar. Pendedahan perlakuan tidak wajar tidak semestinya mengakibatkan apa-apa tindakan tatatertib atau pendakwaan terhadap orang yang membuat pendedahan tersebut. Pekerja dan Rakan Niaga hanya diperlukan untuk menyediakan maklumat mencukupi untuk pengurusan mengambil langkah yang bersesuaian.
- 14.6 Perlindungan pemberitahu maklumat diberikan kepada pemberi maklumat ialah:
- 14.6.1 Perlindungan maklumat sulit; dan
 - 14.6.2 Perlindungan terhadap tindakan memudaratkan.
- 14.7 Kami memberi jaminan bahawa Pekerja dan Rakan Niaga tidak akan berisiko kepada apa-apa bentuk gangguan majikan yang tidak terhad kepada ugutan, penganiayaan, penghukuman atau pembalasan daripada pegawai atasan mereka atau daripada mana-mana ahli Pengurusan. Bagaimanapun, perlindungan yang diberikan di bawah program ini akan ditarik balik jika pemberi maklumat:
- 14.7.1 terlibat dalam perlakuan tidak wajar yang didedahkan;
 - 14.7.2 dengan sengaja membuat pendedahan tersebut yang anda tahu atau yakin palsu;
 - 14.7.3 pendedahan perlakuan tidak wajar adalah remeh atau menyusahkan; dan
 - 14.7.4 pendedahan perlakuan tidak wajar dengan motif untuk mengelak pemecatan atau tindakan tatatertib lain.

- 14.8 Apa-apa cubaan untuk membalas, menganiaya atau menakut-nakutkan mana-mana orang (pemberi maklumat) yang membuat laporan secara suci hati adalah kesalahan serius di bawah Kod ini dan akan diambil tindakan dengan tindakan dan prosedur tatatertib yang tegas.
- 14.9 Semua aduan yang diterima akan disiasat dan dibincangkan sewajarnya oleh GIG.
- 14.10 Jika Pekerja dan Rakan Niaga mempunyai aduan mengenai perlakuan yang salah di sisi undang-undang atau tidak beretika di tempat kerja atau dalam urusan perniagaan dengan TM, atau berasa tidak selesa berbincang masalah tersebut menerusi saluran biasa, maka mereka sangat digalakkan untuk menggunakan Talian Etika dengan identitinya diketahui hanya oleh orang yang spesifik. Perkhidmatan ini bukanlah pengganti untuk bercakap secara terus kepada kami, tetapi sebagai galakan dan untuk memudahkan pendedahan perlakuan tidak wajar dan untuk melindungi Pekerja dan Rakan Niaga daripada tindakan memudaratkan dan untuk perkara tersebut didedahkan lebih lanjut.
- 14.11 Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, Pekerja dan Rakan Niaga juga boleh melaporkan amalan yang salah di sisi undang-undang atau tidak beretika secara langsung kepada badan berkanun seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Polis DiRaja Malaysia atau agensi Kerajaan yang lain yang sama sepertinya di negara lain di mana perniagaan tersebut beroperasi. Dalam situasi tersebut, perlindungan maklumat sulit disediakan juga di bawah undang-undang berkenaan seperti Akta Keterangan 1950, Akta SPRM 2009, Akta Syarikat 1965 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.
- 14.12 Semua pekerja dan Rakan Niaga hendaklah peka dan sensitif kepada situasi yang boleh mengakibatkan tindakan yang diambil oleh mereka, atau orang lain, yang boleh melanggar Kod.
- 14.13 Menjadi kewajipan setiap Pekerja dan Rakan Niaga untuk melaporkan apa-apa pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki terhadap apa-apa tingkah laku atau tatalaku perniagaan dan komitmen etika yang mana mereka sedar atau berpengetahuan, sama ada perkara ini berkaitan dengan Pekerja atau Rakan Niaga tersebut, menyalurkan laporan atau lain-lain kepada saluran yang berikut:

Talian Etika TM:

Nombor Telefon Bebas Tol : 1-800-88-2377 (Malaysia Sahaja)

Emel : ethic@tm.com.my

15. PENSIJILAN PEMATUHAN KOD ETIKA PERNIAGAAN DAN TATAKELAKUAN TM

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Kod Etika Perniagaan dan Tatakelakuan TM (“Kod”) dan saya memahami bahawa Kod tersebut terpakai kepada Lembaga Pengarah, Pengurusan, Pekerja dan Rakan Niaga TM.

Saya bersetuju bahawa apa-apa keputusan dan tindakan perniagaan yang saya kendalikan, akan berasaskan kepentingan terbaik Kumpulan TM dan tidak akan dipengaruhi oleh kepentingan, pertimbangan atau hubungan peribadi. Hubungan saya dengan Rakan Niaga, Pelanggan, Pesaing atau pengawal selia sedia ada atau berprospektif tidak akan memberi kesan kepada keputusan bebas dan arif saya bagi pihak TM.

Saya juga mengesahkan bahawa Saya atau Keluarga saya (berdasarkan fakta dan maklumat yang berkenaan yang pada pengetahuan paling munasabah saya) tidak mempunyai saham, menjalankan perniagaan, mempunyai kepentingan atau liabiliti kewangan secara langsung atau tidak langsung yang lain atau menjadi pegawai, pengarah, ahli jawatankuasa atau pekerja mana-mana entiti perniagaan yang berpotensi mengganggu atau menjejaskan apa-apa keputusan perniagaan dan bidang tanggungjawab saya.

Saya mengesahkan lagi bahawa saya tidak mengetahui apa-apa perkara lain, termasuk Keluarga atau hubungan peribadi, seperti yang ditakrifkan oleh Artikel 122A (2) Akta Syarikat 1965 yang boleh menimbulkan Konflik Kepentingan yang jelas atau berkemungkinan melibatkan pekerjaan semasa saya.

Saya juga mengesahkan bahawa saya tidak melakukan apa-apa pekerjaan atau aktiviti luaran yang bercanggah dengan kewajipan rasmi saya.

Saya juga mengetahui polisi berkenaan hadiah, keraian atau layanan baik korporat daripada atau kepada Rakan Niaga yang dengan mereka saya berurusan, dan saya mengesahkan bahawa saya tidak melanggar larangan ini.

Saya dengan ini bersetuju bahawa saya akan mematuhi sepenuhnya semua peruntukan Kod dan memahami tanggungjawab saya untuk melapor dengan segera apa-apa situasi Konflik Kepentingan yang diketahui atau yang berkemungkinan atau pelanggaran yang disyaki akan Kod ini kepada penyelia terdekat atau Talian Etika.

Saya juga mengesahkan pemahaman saya bahawa apa-apa kegagalan saya untuk mematuhi Kod ini mungkin menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap saya, termasuk tetapi tidak terhad kepada penahanan bonus, kenaikan gaji atau anugerah merit; penyekatan kenaikan pangkat; dan penamatan pekerjaan saya.

SAYA MENGESAHKAN PERNYATAAN INI ADALAH BENAR DAN TEPAT BEDASARKAN PENGETAHUAN DAN KEYAKINAN TERBAIK SAYA.

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kakitangan : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____